

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH
PROJEK MEMBINA SARAWAK – SABAH LINK ROAD
(LAWAS – PERSIMPANGAN LONG LOPENG)

PADA

30 OKTOBER 2021 (SABTU)

BERTEMPAT DI
BATU 2, SIMPANG GELUGUS,
LAWAS, SARAWAK.

BISMILLAHIRRAHMANNIRAHIM

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang

SALUTASI

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga kita dapat bersama-sama hadir bagi menjayakan **Majlis Pecah Tanah Projek Membina Sarawak – Sabah Link Road, SSLR (Lawas – Persimpangan Long Lopeng)**.

2. Pertama sekali, saya ingin mengalu – alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, kerana sudi merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek SSLR pada hari ini. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

INISIATIF KERAJAAN BERKAITAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Hadirin sekalian,

3. Seperti mana hadirin sedia maklum, negara kita kini sedang menunjukkan trend kejayaan dalam memerangi pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan kepada semua hadirin untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bukan sahaja semasa majlis ini berlangsung tetapi juga dalam melaksanakan tugas-tugas harian khususnya di pejabat dan kawasan-kawasan pelaksanaan projek.

4. Dalam kesibukan Kerajaan menangani penularan Pandemik COVID-19 serta mengimbangi ekonomi negara, tugas dan peranan Kementerian Kerja

Raya kepada rakyat tetap diteruskan bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat khususnya dalam aspek kemudahan infrastruktur. Kita seharusnya bersyukur kerana pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian dan sokongan untuk memastikan keperluan peruntukan bagi mewujudkan jaringan jalan raya khususnya di kawasan pedalaman Sarawak diberi keutamaan. Majlis pada pagi ini membuktikan bahawa permohonan kemudahan infrastruktur oleh rakyat Sarawak khususnya di Lawas ini didengari oleh Kerajaan.

5. Perkara ini juga selaras dan diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025 (RMKe-12) yang telah dibentangkan pada bulan September yang lalu. RMKe-12 telah dirangka bertujuan untuk menangani isu semasa dan pada masa sama, memulih serta merencanakan semula pembangunan sosioekonomi Malaysia untuk kemampanan dan kemakmuran jangka panjang.

6. RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang membawa perubahan berdasarkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan. Tiga tema RMKe-12 adalah:

- i) Menjana semula ekonomi;
- ii) Memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan
- iii) Melonjakkan kemampanan.

Di bawah tema kedua RMKe-12 iaitu Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti, telah ditetapkan salah satu pemacu perubahan yang memfokuskan kepada inisiatif menggandakan pertumbuhan negeri, termasuklah negeri Sarawak. Kerajaan akan terus memberi penekanan dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara negeri melalui salah satu elemen terpenting iaitu menambah baik infrastruktur dan ketersambungan di

kawasan kurang membangun serta memastikan pembangunan yang lebih seimbang.

Ia juga selari dengan usaha ke arah merealisasikan matlamat Keluarga Malaysia yang menekankan nilai-nilai Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran, yang mana Sarawak merupakan antara 6 negeri selain Sabah, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang diberi tumpuan khusus bagi merapatkan jurang pembangunan. Kerajaan tidak mahu ada mana-mana negeri yang ketinggalan dan mahu memastikan supaya semua kawasan di Sarawak dan Sabah juga sama-sama membangun sebagai sebuah Keluarga Malaysia. Projek infra seperti ini adalah antara usaha kerajaan ke arah merapatkan jurang pembangunan dan memastikan tiada Keluarga Malaysia yang terpinggir.

LATAR BELAKANG PROJEK YANG DIRASMIKAN

Hadirin sekalian,

7. Projek Membina Sarawak – Sabah Link Road (SSLR), atau nama baharu diberikan Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Kuala Melinau – Limbang – Lawas Road atau MLLR, telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RP 3 RMKe-11) dengan peruntukan sebanyak RM 1.13 billion. Projek ini akan bermula dari Kampung Gelugus, Lawas ke Persimpangan Long Lopeng sepanjang 77 km. Pemilikan tapak projek telah diberikan kepada kontraktor yang berjaya iaitu Samling Resources Sdn. Bhd. pada 9 Ogos 2021. Projek ini dijangka siap pada 8 Januari 2026 dengan tempoh pembinaan selama 53 bulan.

8. Sebagai rekod, reka bentuk jajaran jalan ini adalah selari dengan rancangan pembangunan Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan kepada

kelulusan terkini *Sarawak State Planning Authority* pada bulan September 2020. Reka bentuk jalan juga telah mengambil kira impak sosial kepada penduduk setempat serta pemeliharaan alam semulajadi di sini.

9. Tujuan utama pembinaan SSLR adalah untuk mewujudkan satu rangkaian jalan raya berturap yang dapat menghubungkan Sarawak dan Sabah tanpa melalui negara Brunei Darussalam. Di samping itu, dengan terbinanya jalan ini kelak, penduduk di kawasan ini turut bakal memiliki perhubungan jalan raya yang lebih selamat dan selesa setelah sekian lama menggunakan jalan balak sebagai jalan utama. Pembinaan SSLR dijangka dapat membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat setempat terutamanya bagi industri agro dan eko-pelancongan.

KOLABORASI DI ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI (BERKAITAN AP182)

Hadirin sekalian,

10. Projek SSLR juga merupakan antara projek perintis yang melambangkan kerjasama erat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memastikan pembangunan infrastruktur di Sarawak terus dipertingkatkan. Selaku Menteri Kanan Kerja Raya, saya amat berbesar hati dengan komitmen dan semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dalam memastikan pelaksanaan projek mega ini berjalan lancar. Untuk makluman para hadirin sekalian, berdasarkan dasar yang berkuatkuasa, JKR Malaysia telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana dan turut berperanan sebagai Pengurus Program bagi projek ini. Manakala penyeliaan pada peringkat pembinaan diserahkan kepada JKR Sarawak selaku Pengarah Projek.

11. Walaupun pelaksanaan ini sedikit berbeza dengan amalan terdahulu, saya percaya dengan kepakaran dan pengalaman kedua-dua pihak yang saling melengkapi pastinya akan memberi impak positif kepada projek ini. Kolaborasi seperti ini juga membolehkan pelaksanaan projek Persekutuan di Sarawak dapat diteruskan dengan lancar dalam usaha merapatkan jurang kemudahan infrastruktur di antara negeri Sarawak dengan negeri-negeri lain.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

12. Mengakhiri ucapan, dengan perasmian pecah tanah projek ini sebentar lagi, saya amat berharap khususnya kepada kontraktor yang terpilih untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Pemantauan secara berkala oleh pihak JKR juga adalah sangat penting untuk memastikan kemajuan dan kualiti kerja projek ini berada dalam kawalan. Insya-Allah, setiap tugas yang diamanahkan akan terhasil dengan sempurna sekiranya dilaksanakan dengan penuh rasa tanggung jawab dan nilai integriti yang tinggi.

13. Sekali lagi saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Semoga kerjasama yang baik ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

14. Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada YAB Ketua Menteri Sarawak kerana sudi menghadiri dan seterusnya bersama merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Membina Sarawak – Sabah Link Road (Lawas – Persimpangan Long Lopeng).

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.